AHMAD MANSANG,
K. KANGSAR

Y
00046/4
HAL

KOLEKSI N. A. HALIM

AHMAD MANJANG

KOTA LAMA KIRI.

K. KANGSAR.

Nama Datok Sago itu sebenar ~~Pak Andak~~ Pandak Lam (Seri Agar di Raja) ~~iau~~ itu adalah "Orang Kaya Di Bandai namanya sebenar Kulup Endot, sistem kelipatan di Perak satu ~~tujuan~~ tinjauan sifat khusus A.E.306 (tisis) Ismail Mokthar bin Mohd. Noor, Akidemic 1974-75 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur keseluruhan kajian ini adalah perkataan saya sendiri kecuali beberapa kemuskilan yang telah diberi pengakuan yang sewajar, Dibawah ini dicertakan gelaran besar 4 dan orang 8 yang di gunakan pada bahagian 1870 orang besar berempat. No. 1 Raja Bendahara No.2 orang kaya Temenggong No. 3 orang kaya besar, No. 4 orang kaya Menteri lepas itu orang kaya delapan No. 1 Datok Maharajalela No. 2 Datok Laksamana No.3 Datok Shah Bandar No.4 Datok Adikaraja No.5 Datok Panglima ~~Keempat~~ Kinta No.6 Datok Panglima Bukit Gantang No.7 Datok Sago No. 8 ~~Uman~~ Imam Paduka Tuan, Lihat Amirnuddin Baki ~~Sebering~~ Sebaran am Perak Peninjau sejarah Vol. I No.1 orang besar No.16 No.1 Datok Sri Maharajalela No.2 Datok Indra Di Raja No.5 Datok Paduka Setia No.6 Datok Sri Dewa Di Raja No.7 Datok Amar Di Raja No.8 Datok Penglima Teja No.9 Datok Pahlawan No.10 Datok Bandar Hulu No.11 Datok Paduka Indra, No.12 Datok Sri Jaya No.13 Datok Maharaja dewa No.14 Datok Paduka Raja No.15 Datok Sri Wijaya Di Raja No.16 Datok Perdana Indra gelaran-gelaran pembesar-pembesar ini berubah-berubah dari masa kesemasa, keterangan daripada Encik Sahabuddin bin Mohd Baki, pertemuan pada 3hb. Ogos, 1974, beliau memilik sebuah kitab Hikayatus Ujian yang menerangkan gelaran orang-orang besar 16 tetapi tidak dapat gelaran orang 32 Datok orang-orang gelaran besar itu digunakan tiada ~~tersebut~~ disebutkan Encik Mohd. Ahmad Shaharuddin tiada memberi tarikh zaman tertentu bila gelaran-gelaran diatas digunakan beliau pasti gelaran-gelaran diatas sebelum perang dunia kedua.

Sultan Salihuddin tahun 1635 disamping ini dikatakan pula Sultan pertama Muzafar Shah yang memerintah Perak dengan bantuan Bendahara iaitu orang pemebesar, jadi ketua 7 daerah masa itu, No. 1 termasuk daerah Telok Anson hingga ke Bagan Datok, No.2 Manjong Perak ke Hilir No.3 Temeng daerah Pacat, dibawah Tok Temong No. 4 Kelus daerah Sungai Kelus dibawah Tok Saaban No.5 Kinta dibawah Maharajalela Kinta No.6 Serinting daerah Kerian hingga ke Larut dibawah Tok Musuaka No.7 Bruas hingga kesimpang 3 Parit, dengan ini tiada nampaknya tidak mungkin sistem kelipatan 4 itu dibawah Melaka kalau Tun Manjur Beruas menjadi taklok Melaka itu menjadi alasan sistem itu dibawah putera Melaka mengapa Selangor tidak mengamalkan, Wah walhal ~~Melaka=ini=jelas=menujuk~~ klang juga pernah menjadi taklok Melaka ini jelas menujuk peraturan orang besar 4, 8, 16 dan 40 itu tidak ujud Dizaman Sultan Muzafar Shah pertama dan tidak mungkin dibawah Taklok negeri melaka, jadi keterangan daripada itu daripada Encik Ahmad bin Manjong iaitu pengajian sejarah daripada Kampong Kota Lama kiri, Kuala Kangsar beliau sekarang tinggal disitu dan ~~bernumur~~ berumur lebih kurang 60 tahun pada tahun 1976.

2/-

KOLEKSI N. A. HALIM

Dizaman pemerintah Perak Sultan Muzafar Shah 1528-1569 hingga lah kepemerintah Sultan Peaak yang ke13, Sultan Muzafar Shah ke 3 1728-1756 maseh tidak terdapat lagi orang besar-besar 4, 8, 16 dan 32. mengikut misal melayu hikayat sejarah Negeri Perak pasokan Muzafar Shah ke 3 yang bersemayam di Braman Indra, Perak da telah berseliseh faham dengan andindanya dipertuan muda Mohd. Shah yang bersemayam di Pulau Tiga oleh sebab peseliseh faham itu Sultan Muzafar Shah ketiga telah perbindah dari Braman Indra ke Kuala Kangsar, kerajaan baginda di Kuala Kangsar ini lengkap dengan orang-orang besar ada pun tatkala itu Bendaharanya Raja Alang Putranya Raja Kedah dan Orang Kaya Besar nya Megat Pintal Temenggongnya Mutabar dan Menteri Rakih Yusof, orang besar perak meninggal di Pulau Tiga pula telah mengangkat yang dipertuan Muda Mohd. Shah menjadi Sultan dan gelaran Mohd. Shah pada masa itu terdapat 2 orang Sultan di Negeri Perak, Walau bagaimanapun peselisehan antara Sultan Muzafar Shah ke 3 dengan adindanya Sultan Mohd. Shah tidak lama kemana Sultan Mohd. Shah Sendiri mengikut membuat damaian telah berdamai Sultan Muzafar yang ke 3 pun kembalilah ke Braman Indra dan mula mengangkat orang besar-besar 4, mengangkat orang besar mengikut mengangkat orang-orang besar di Kuala Kangsar dulu menteri dizaman ini memperbuat Bendahara Magat Pendia menjadi Bendahara galaran nya Paduka Sri Maharaja dan orang kaya besarnya Tan Marasin gelaran orang besar Sri Maharaja Di Raja, dan Temenggongnya Tan Ban Tan gelarannya Temenggong Paduka Raja dan Menterinya orang kaya Shariff, Hussin gelarannya Sri Paduka Tuan, apa yang penting disini ialah jawatan orang besar 4 itu telah pun ujud zaman Sultan Muzafar Shah ke 3 lagi. Disamping orang-orang besar 4 ini merupakan pembesar darjah pertama dibahagian pertama daripada pemerintahan Muzafar Shah itu terdapat orang-orang orang besar lagi merupakan pembesar Darjat ke 2, disini nampak nya pertama ujud lagi pembesar ia 8 dari tahun 497 1740 seorang Pengembara keturunan Bugis bernama La Ta Ta Ambralla telah sampai telah di Perak lalu berkubu di Sungai Sembilan beliau telah meninggalkan Sulavesi yang mungkin kerana tiada menunduk pada raja yang telah pun makasar semenjak tahun 1667 lagi apabila sampai ke Pulau Sembilan ada La Ta Ta Ambralla telah merasiakan namanya dan menyambar dirinya bernama Nakhoda Hitam, keterangan ini daripada Encik Ahmad bin Manjar, beliau menyambar diri mungkin kerana malu akan kekalahan bugis ditangan Belanda dalam tahun 1667 itu lagi pun telah menjadi kebiasaan orang-orang bugis apabila dilahirkan mereka memakai satu nama, setelah berkahwin menggunakan nama lain pula dan apabila mengembara pula menggunakan nama lain lagi, kerana menyambar diri kebetul pula pada masa Nakhoda Hitam La Ta Ta Ambralla sampai di Pulau 9 orang-orang Belanda pun telah pun mengadakan perhubongan dengan Perak mereka selalu membeli bijih timah dinegeri itu, Nakhoda Hitam pun merne meneruskan menentang Belanda Sultan Perak Sultan Muzafar Shah ke 3 dan orang-orang Belanda mengangkat Nakhoda Hitam sebagai lanun Pulau 9 dan sangat-sangat ditakuti oleh oragg Perak.

Daing Selili · ialah anak Pagung Luwuk saudara ipar Upu Tandi: Burung.

Pada masa itu negeri Perak dalam keadaan huru hara kerna barang-barang dagangan sekali masuk dalam negeri ini adalah kerana Nakhoda Hitam Berkubu disitu keterangan ini adalah daripada Cik Gu Ahmad bin Manjong juga sementara itu anak Raja Daing Selili putra raja Tun Upu Tindir, Burung raja buah iaitu raja Bugis, telah dihantar oleh ayahandanya ke Mekah Baginda dihantar oleh kerana kezaliman ayahandanya inginkan pengantinya seorang insaf dan adil dalam tahun 1740 sekembalinya dari Mekah Daing Selili yang bergelar raja yang haji Besar mengisir keselat Melaka agar akhirnya kepulau sembilan didapati beli pulau sembilan terlalu elok tempatnya lalu menunaikan sembahyang ashar, Ketika itu Nakhoda Hitam telah nampak kapal-kapal Bugis iaitu Daing Selili yang sedang berlabph di Selat itu. Nakhoda Hitam terus menentang Daing Selili kerana ia menyamgka Daing Selili bersubahat dengan Belanda kerana tidak menghirankan kerana terdapat orang-orang bugis yang bersubahat dengan Belanda seperti Rungpalaka yang telah membantu orang-orang Belanda menawan Makasar pada masa tahun 1667 tetapi keris yang dipakai oleh Daing Selili telah dapat mengelakkan berlaku pertikaian antara Daing Selili dengan Nakhoda Hitam, keris Daing Selili yang bersarung emas serta mempunyai fajar salit di buntutnya menandakan keturunan raja ini sungguh-sungguh menyakinkan Nakhoda Hitam bahawa Daing Selili tidak bersubahat dengan Belanda sebagaimana disangka pada mula-mula tadi keterangan ini daripada Encik Ahmad Manjong juga oleh kerana keadaan Sulavasi sendiri tenteram oleh Belanda kedua nakhoda Hitam dan Daing Selili tidak mahu membalikan negeri asal mereka malah mengambil keputusan mencari tapak untuk dibuat penempatan, Bendera Perak masa itu hingga kehari ini terdiri daripada warna-warna putih kuning dan hitam Putih ialah air melambang kan keturunan gaharu, kuning angin melambang kedaulatan dan hitam bumi melambang tapak pemerintah. Lambang-lambang itu difahami oleh orang-orang Bugis kerana hampir-hampir menyerupai warna-warna panji di negeri mereka ini juga menyebabkan mereka tertarik hati untuk tinggal di Perak. Orang-orang bugis mempunyai panji-panji 4 warna, No.1 kuning ialah pelambang Langit angin dan dipandang agong No.2 putih ialah melambang kesucian dan warna air No.3 merah iaitu melambang kebernaian dan warna hati dan No.4 ialah warna pelambang tanah atau negeri yang bersifat jujur, takun, sabar serta cekap keterangan ini daripada 33 Prof: Zainal Abidin Wahid.

Pertemuan Nakhoda Hitam dan Daing Selili telah ~~nempak~~ menambahkan lagi ~~barang-barang~~ bilangan orang-orang Bugis memandangkan keadaan ini Tok Bandar memberitahu Sultan bahawa lanun di Pulau 9 telah menjadi bertambah ramai dan mungkin akan melancarkan serang keatas negeri Perak Sultan Muzafar Shah yang ketiga yang bersemayam di Brahman Indra Berantai, Sayong, menghimpunkan orang-orang didaerah Sayong dan Memong untuk ~~menyerang~~ menentang orang-orang Bugis dibawah pimpinan Nakhoda hitam dan Daing Selili berita-berita ~~persedian~~ mengenai persediaan yang diatur oleh Sultan Perak di Sayong untuk menentang orang-orang bugis di Pulau 9 itu akhirnya sampai kepada Nakhoda Hitam dan Daing Selili berita ini sunggoh-sunggoh ~~mme~~ memeranjatkan mereka kerana tiada ~~terlint~~ terlintas langsong dihati mereka hendak menyerang Negeri Perak, Nakhoda Hitam dan Daing Selili pun terus pergi ke Sayong menghadap Sultan Muzafar Shah ke tiga serta menjelaskan dan berikrar bahawa mereka tidak berniat hendak menyerang negeri Perak, Nakhoda Hitam dan Daing Selili menyerahkan 2 bilah keris yang bersalut emas dan berbuntutkan fajar salit yang diserahkan kepada sultan itu mengenalkan mereka adalah keturunan Raja Bugis, atas sebab tersebut yang telah ditegaskan lagi dan juga kerana Daing Selili yang tinggi itu suka merendahkan diri mereka merayu kepada Sultan supaya merasiakan bahasa mereka adalah keturunan Bugis. 2 Bilah keris yang diserahkan kepada Sultan itu yang pertama ialah Laksamana iaitu keris Nakhoda Hitam yang berlok 5, yang kedua Sri Gading keris Daing Selili yang berlok 4, keterangan ini adalah daripada Encik Yusof Alang, disini terdapat juga perbezaan diantara keris Nakhoda Hitam yang berlok 5 dan Daing Selili berlok 4 perbezaan lok ini menunjukkan keris itu dibuat dalam 2 zaman berlainan keris berlok 4 dibuat sebelum kedatangan islam di Sulavisi pada awal kurun yang ke 17 manakala berlok 5 dibuat selepas kedatangan islam, ~~tetapi~~ tiap-tiap orang bugis itu memberi makna yang berlok 4 itu ~~menentang~~ menandakan No. 1 adek bererti adat yang no. 2 bicara ertinya undang-undang No.3 ertinya seni kebudayaan dan No.5 wari makna ~~bersung~~ persuratan. Setelah kedatangan islam ke Sulavasi keris orang bugis ditambah satu lok lagi menandakan hukuman sarak, kedua-dua keris Nakhoda Hitam dan Daing Selili di simpan diistana Sultan dan ini telah dijadikan perpatah Perak, ini merupakan satu bukti yang nyata tentang kehadiran kedua-dua Raja Bugis itu ke Perak, baru-baru ini Sultan Perak Sultan Idris telah mendakwa bahawa keris yang berlok 4 itu sebagai taming Sari yang di punyai oleh Hang Tuah terdapat, sebenarnya keris itu adalah Sawairi Gading kepunyaan Daing Selili, menurut Raja Ahmad seorang dari Kampong di Kuala Kangsar menandakan keris itu sebagai keris rahsia, ini mungkin ada kaitan dengan Nakhoda Hitam dan Daing Selili yang meminta supaya dapat merahsia mereka daripada keturunan Raja Bugis disamping 2 bilah keris yang diserahkan oleh Nakhoda Hitam dan Daing Selili kepada Sultan Muzafar Shah ketiga Nakhoda Hitam juga telah menyerahkan

hat

Alat harta-harta rampasan yang diperolehi dari pulau sembilan dulu, mereka juga meminta izin kepada Sultan untuk menghambakan diri kepada negeri Perak. Apabila Sultan Muzafar Shah kembali ke Indra Brahman Indra baginda membawa banyak harta benda yang diberikan oleh Nakhoda Hitam dan Daing Selili meminta yang diserahkan oleh mereka itu, maka Sultan pun memberi galaran kepada Nakhoda Hitam sebagai Laksamana La Ta Ta Abrella, cara hidupnya adalah mengambil cukai di laut daripada tengah laut hingga ke ~~guit~~ Bueh (makna ~~samapai~~ sampai tidak boleh ketipi) surat kuasa lantikkan laksamana disimpan oleh Ali Akhbar bin Mohd. Amin yang menjawata jawatan Datok Muda orang kaya laksamana hari ini. pada Dengan terlantiknya La Ta Ta Abrella yang menyambar diri sebagai Nakhoda Hitam itu telah menjadikan ~~paling~~ bilangan orang-orang darjat tertua kepada 7 orang, Daing Selili yang bergelar yang besar itu pun mengajar Sultan Muzafar Shah ke 3 didalam ilmu Tasauf akhirnya Daing selili dikahwinkan dengan adinda nama Tengku Tengah pada mulanya Daing Selili telah pun menjadi Mofti, kemudian dijadikan pula orang-orang besar perak sebagai Maharajalela Tan Lela, jawatan Maharajalela itu merupakan orang-orang besar 8 yang tertinggi dengan terlantiknya Daing Selili sebagai maharajelala telah menjadikan jumlah orang besar-besar Darjat ke 2 , 8 orang semuanya ini menunjukkan dizaman pemerintah Sultan Muzafar Shah ke 3 tahun 1728-1756 telah pun menunjuk peraturan orang-orang besar 4 dan 8 dan jelas sekali peraturan orang-orang besar 8 tidak dipengaruhi oleh mana-mana negeri, malah peraturan itu dengan terlantiknya orang Bugis keturunan kaya La Ta Ta Abrella sebagai laksemana dan Daing Selili sebagai Maharajalela namun demikian orang-orang besar 16 dan 32 masih tidak dapat gelaran dari Sultan Muzafar Shah ke 3, menurut Cik Gu Ahmad Majong lagi sistem kelipatan orang 4 di Perak dimana orang besar-besar terdiri 4 orang pembesar Darjat utama 8 orang pembesar kedua dan 16 pembesar Darjat ke 3 dan 32 pembesar kurang pentingnya hanya diperkenalkan dizaman Sultan Zulkarnian yang memerintah pada tahun 1756-1770, kemana dizaman itu segala lembaga adat negeri perak disusun semula, jawatan pembesar-pembesar 16 dain dan 32 itu ujud tetapi tidak mungkin semua terdapat pada masa ini di mana jawatan pembesar 32 itu tidak dipenuhi pada masa Sultan Zulkarnian itu juga Biro persuratan misalnya dikarang buku-buku undang-undang 99 (yang ada pada Encik Ahmad) misal buku Melayu Hang Tuah dan ~~certa~~ cerita raja muda buku ini ada pada Encik Ahmad juga, beliau supaya percaya juga kalipatan 4 yang diperkenalkan di Perak adalah berasas kan sistem orang-orang Bugis, orang-orang bugis di Sulavisi sendiri ada mengamalkan sistem rukun atau dipanggil

Sulasa etta yang bermakna kalipatan 4, rumah orang-orang bugis juga adalah berbentukkan Sulasa etta, dimana tiang-ting rumah itu dibelah 4, 8 dan 14, rumah-rumah bentuk bugis ini banyak terdapat didalam Sayong dan lain-lain daerah di Kuala Kangsar dan ada juga terdapat hingga kehari ini rumah orang-orang kaya dan orang-orang besar yang juga dibuat mengikut culture rumah bugis, ini adalah sebagian dari bacaan keterangan dari Cik Gu Ahmad Manjang beliau maseh ada banyak menyimpan risallah lama-lama yang penting yang kita boleh kaji yang lebih lanjut lagi.

Ini adalah cerita mengenai sejarah negeri Perak yang saya dapat dari Encik Ahmad Manjang juga berkaitan ciri mengenai Daing Selili menurut Encik Ahmad Manjang sistem kalipatan 4 ini di negeri perak di mana orang-orang besar terdiri dari 4 pembesar darjat pertama, 8 orang pembesar Darjat kedua dan 16 orang pembesar darjat 3 dan 32 orang pembesar yang penting hanya diperkenalkan dizaman Sultan Iskandar Zulkarnian yang memerintah daripada 1756-1770 didapati Sultan Muzafar Shah yang ketiga kerana dizaman itu segala lembaga adat di Negeri Perak disusun ~~semual~~ semula Jawatan orang pembesar-pembesar 16 dan 32 itu ujud tetapi mungkin tidak semua yang terdapat pada hari ini dimana jawatan pembsar 32 itu tidak di Mentri, (lihat lampiran) pada zaman Sultan Zulkarnian ituBiro persuratan diadakan misalnya di karang buku-buku undang-undang 99 misal melayu Hang Tuah dan cerita raja muda, beliau Encik Ahmad Manjang ini juga percaya bahawa sistem kelipatan 4 yang diperkenalkan di Perak itu adalah berasaskan orang-orang bugis orang-orang bugis di Sulavasi juga ada mengamalkan satu sistem adat rukun negara yang dipanggil ~~Sulawis~~ Sulaisa, adanya orang-orang bugis yang memegang jawatan pembesar ~~dan~~ di Perak seperti La Ta Ta Abrellah dan Daing Selili lebih-lebih lagi Daing Selili telah berkhawin dengan kerabat di Raja Perak menyakinkan bahawa merekalah yang meresapkan pengaroh bugis di Perak, selain daripada rumah-rumah berbentuk bugis di Perak itu, yang menyerupai kesan-kesan pengaroh Bugis terdapat juga di Kuala Kangsar lebih kurang dalam tahun 1920 sebuah sekolah yang dipanggil Artang mungkin Artang itu adalah Raktang yang bermakna seni dan kebudayaan, di sekolah ini diajar tekat-menekat emas dan perak pembentukkan kepada cara yang diajar disekolah itu mengakinkan bahawa Artang itu Rektang tukang-tukang perak dan tukang emas tukang-tukang membuat hulu itu ramai orang-orang bugis. Sekolah itu telah pun di tutup menjalang perang dunia yang kedua kalaulah benar sistem kelipatan 4 ini berasaskan kepada pengaroh atau sistem bugis timbul pula beberapa soalan kerana kita tidak dapati orang-orang bugis bukan sahaja ke Perak malah beberapa negeri melayu seperti Johor dan Selangor tetapi tidak didapati sistem kelipatan 4 itu dinegeri tersebut, sebelum kedatangan orang-orang bugis tadi orang-orang tadi amat penting dan mereka menjadi tulang belakang angkatan laut dan darat negeri Johor tetapi bahagian kedua adat ke 18 orang-orang bugis telah menjadi penting kepada kerajaan Johor sebagaimana yang dinyatakan oleh Handaya

malah ada antara oragg-orang bugis itu berjaya memasuki kedalam gulungan kelas pemerintah dan menjawat jawatan yang dipertuan muda sebagai ketua orang-orang bugis di Johor namun demikian tidak pula terdapat kelipatan 4 di Johor kalaulah kelipatan 4 di Perak itu berasaskan pada pengaroh bugis kenapa pula orang-orang bugis tidak memperkenalkan di Johor itu adalah disebabkan di negeri Johor telah ada undang-undang dan peraturan manakala di Perak pertama ada dengan adanya cada undang-undang dan peraturan-peraturan inilah orang-orang bugis tidak memperkenalkan sistem kelipatan 4 di Johor, kalau di Johor orang-orang bugis telah dapat menaiki kedalam gulungan pemerintah Selangor pun sendiri telah menjadi pemerintah raja Ali yang seorang ahli sejarah Bugis menyata kan bahawa penempatan-penempatan bugis di Selangor telah ujud lama sebelum abat ke 18 dan adek beradek yang telah menopoli di Sla Selangor dan raja Selangor yang pertama adalah keturunan bugis, misal melayu ada mencatitkan raja lela ada datang ke Perak dan telah mendatangkan serta digelar oleh Mohd. Shah pengganti Sultan Iskandar Zulkarinian dengan gelaran Sultan Salehuddin, segala Sultan ini keturunan Sultan bugis tetapi anehnya Baginda tidak pula mengenalkan sistem kelipatan 4 itu di Selangor ini mungkin di Sebabkan raja itu tidak mempunyai kemahiran dalam adat diistana bugis kerana baginda besar diluar negeri (di Makasar) lebih-lebih lagi orang bugis keturunan raja dan elmu yang mempunyai pragavam dan raja dulu bukan daripada raja asal dan baginda adalah bugis kacukaan kacukan raja daerah Sulavasi disamping ini selangor mempunyai penduduk yang lebih kecil bilangannya daripada Perak kerana itu tidak dapat membantu megulungan bangsawan bukan diraja pertama yang banyak selain dari kerabat diraja. Mendatangkan bilangan penduduk melayu dalam tahun 1870 berjumlah seramai 30 ribu orang manakala di Selangor didalam tahun 1874 hanya sejumlah 5 ribu oang sahaja dengan alasan ini yang ter diatas menerangkan kenapa sistem kelipatan 4 itu tidak dipengarohi di Johor dan di Selangor walaupun orang-orang bugis bertapak dengan kuat dinegeri itu, besar kemungkinan sistem kelipatan 4 di Peaak di=berasakna berasaskan kepada sistem bugis.

Pedang curah Simanja kini sama dengan rupa Pedang Jepun hulunya sahaja berlainan ini adalah mengikut Rata Prof. Ika Kaki hanya lebih 2" sebajsa sahaja Pedang Jepun itu semasa Prof. itu datang keistana dizaman Jepun, jadi rasa saya patut ahli kajipurba patut menyiasat diatas perkara ini. Encik Ahmad ada menyimpan pedang jepun asal sebanyak 3 bilah.

Mat Jaya itu duduk disebalah pulau jadi umur pada masa saya pergi dulu lebih kurang 100 tahun lebih katanya pada Jun, 1976 masa Birch datang ke Pasir Salak umurnya 3 tahun kemudian di bawah oleh ayahnya kehilir disebelah kampong iaitu Pasir Salak dan berladang, kata ayahnya masa bas datang kekampong Pasir Salak itu dan dengan seorang kawannya bernama Mat Matib Taib dari Telok Anson dicacaknya bot di air kemudian ditembaknya menghala kerumah maharajalela kena pada durian dirumah maharajelala maka terjelapak dibumbong rumah Maharajalela, tetapi maharajalela tidak mahu buat kacau dan pun mudek kehulu dengan 4 ekor gajah serta membawa barang-barang kemasnya, jadi ditanyalah oleh orang-orang dimana maharajalela itu boleh jadi dia kena bunoh, tidak dan tidak kena bunoh, kemudian orang-orang tadi sampailah segala posta-posta undang-undang mengikut perjajian pulau pangkor, jadi tiada kuasa orang-orang besar.

Itulah cerita daripada Cik Gu Ahmad bin Manjang dari Kampong Kota Lama Kiri cerita mengenai sejarah negeri Perak.

KOLEKSI N. A. HALIM

Ini zaman Sultan Zulkarnian menyerang negeri Perak, jadi sebelum itu dia dijadikan anak angkat kepada Sultan Muzafar Shah yang ketiga (Sultan Abu Kabas) dan keturunan Sabersive, masa itu mengatakan Megat-megat yang sudah tahu bahawa keturnnannya siapa menganggap berdaulat kepada ~~pagarrugyung~~ Pagar Ruyung pada hal megat disiasat di Pagar Ruyung tiada Megat, pada halnya Megat ini adalah keturunan dari Melaka yang banyak, kerana Sultan Melaka yang pertama ialah Megat Iskandar, Megat ~~Tarawitkh~~ Tarawikh itu adek kepada Muzafar Pertama, itulah sebabnya dijadikan Bendahara, jadi itu sebabnya raja-raja memikirkan raja juga patut menjadi bendahara dinegeri Perak ini, Penyudahnya Sultan Abdul Rashid menjadi Bendhara Negeri Perak kemudian megat-megat hendakkan orang kebanyakkan untuk menjadi Bendahara di Negeri Perak kemudian dibagikan orang besar Tuan Jusoh kemudian kepada Datok Othman Salleh sebenarnya Bendahara di Negeri Perak ini ialah hak raja, ~~lagi=satu~~

Lagi satu Tok Temong itu berdarah putih Dongengnya jadi yang membuat Dongengnya Sultan Mutabat dan datang disini dan menyatakan pada suatu hari anak raja minangkabau raja Pagar Ruyung telah hilang lari Jadi mengikut Tuk Buyong mengatakan dia berada diseberang laut pergilah cari darahnya putih, cari-cari punya cari sampailah ke Temong dibawah bersama tebu, mereka dengar adanya Tok Temong disitu maka dibawanyalah tebu dengan pisau, kalau ia dianya keturunan raja pagar ruyong tahulah darahnya putih, jadi ~~kerajaan~~ kerana mengupas tebu tadi terlukalah tangannya, maka berdarahlah tangan, dan didapatinya darah putih, jadi tujuannya berkehendak orang semua ini untuk membantu ~~menerang~~ menyerang negeri Perak, itulah tujuan Sultan Mukabat dan dibantu oleh Daing Mencelak untuk menyerang negeri perak, bila dia masuk dinegeri perak bila mula ~~bebe~~ berperang di Bukit Gantang, Sultan Zulkarnian sendiri pun datang dengan anak kuda hitam dibantu oleh orang bugis didalam kapal, apabila Daing Mencelak melihat ini semua maka ia pun cabut lari.

KOLEKSI N. A. HALIM